

18/01/2003

Tiada siapa kekal: PM (HL)

Mohd Azlan Jaafar

CYBERJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menegaskan, pemimpin parti yang tidak mampu menjalankan tanggungjawab harus berundur dan sedia melepaskan jawatan mereka.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, tiada siapa kekal dengan jawatan mereka dalam Umno dan apabila perlu, perubahan dalam kepemimpinan parti harus dilakukan.

"Jika saya tidak boleh menjalankan tugas, saya juga terpaksa pergi. Malah, memang saya akan berhenti. Jika saya boleh pergi, orang lain juga boleh pergi," katanya kepada pemberita selepas melancarkan InventQjaya Fast Track di sini, semalam.

InventQjaya ialah kemudahan sementara penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Cyberjaya untuk membawa masuk teknologi baru. Ia dikendalikan syarikat berpangkalan di Amerika Syarikat - Reveo.

Dr Mahathir, yang ditanya sama ada rombakan dalam kepemimpinan Umno Kelantan kelmarin turut membabitkan negeri lain bagaimanapun berkata, tiada rancangan tertentu ke arah itu setakat ini.

"Tiada siapa yang kekal, jika ada keperluan untuk membuat perubahan kita akan rombak, bagaimanapun kita tiada rancangan tertentu untuk itu," katanya.

Pada akhir lawatan dua harinya ke Kelantan kelmarin, Dr Mahathir mengumumkan rombakan besar dalam Badan Perhubungan Umno negeri dengan timbalan pengerusi Datuk Annuar Musa dan tiga yang lain digugurkan.

Dengan berkata beliau menggunakan kuasanya sebagai presiden, Dr Mahathir menamakan peguam Zaid Ibrahim, yang juga Ketua Bahagian Kota Bharu menggantikan Annuar, manakala Datuk Mustapa Mohamed dikekalkan sebagai pengerusi Umno negeri.

Turut dilantik ialah Pengerusi Tenaga Nasional Berhad dan Timbalan Ketua Umno Bachok, Datuk Dr Awang Adek Hussin menggantikan Datuk Dr Nik Hussain Abdul Rahman (bendahari); Timbalan Ketua Umno Tumpat, Nawawi Jusoh menggantikan Tuan Hashim Tuan Yaakob (Ketua Bahagian Kubang Kerian) sebagai Setiausaha Perhubungan dan Timbalan Ketua Umno Peringat, Che Alwi Che Ahmad mengambil alih jawatan Ketua Penerangan daripada Ismail Mamat (Ketua Bahagian Machang).

Ditanya sama ada pemimpin digugurkan itu atau orang lama dalam Umno Kelantan akan menyokong muka baru yang dilantik, Dr Mahathir berkata:

"Tiada jaminan. Mereka dah bagi persetujuan sudahlah."

Sama ada rombakan dalam Badan Perhubungan Umno Kelantan itu adalah petanda pilihan raya umum semakin hampir, Perdana Menteri secara berseloroh berkata:

"Saya akan beritahu anda apabila ada pilihan raya. Ketika ini saya tidak perlu beritahu anda."